

JP/Bk 05.03/12-98/1.2R

Pakej

# KELEDEK

T  
E  
K  
N  
O  
L  
O  
G  
I



**PAKEJ  
TEKNOLOGI TANAMAN KELEDEK**

**PAKEJ  
TEKNOLOGI TANAMAN KELEDEK**

**Jabatan Pertanian  
Semenanjung Malaysia**

**1998**

**No: Terbitan JP/Bk 05.03/12-98/1.2R**

**Cetakan Pertama 1997**

**(C) Hak Cipta Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa carapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian.

*Manuskrip terbitan ini disediakan oleh Bahagian Sayuran dan Tanaman Ladang. Konsep persembahan, suntingan dan grafik disediakan oleh Seksyen Sokongan Komunikasi.*

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pakej teknologi keledek

ISBN983-047-059-8

1. Sweet potatoes. I. Malaysia. Jabatan Pertanian.

635.228

Rupa taip teks : Arial

Saiz taip teks : 10, 11 dan 12

Harga: RM 4.00

Dicetak oleh : **Percetakan Warni Sdn. Bhd.**

## KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH .....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>vii</b>
<b>PENDAHULUAN .....</b>	<b>ix</b>
<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>xi</b>
<b>1. PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
<b>2. BOTANITANAMAN .....</b>	<b>2</b>
<b>3. KEPERLUAN ASAS TANAMAN</b>	
<b>3.1 Faktor Iklim .....</b>	<b>5</b>
<b>3.2 Faktor Tanah dan Topografi.....</b>	<b>5</b>
<b>4. KULTIVAR YANG DISYORKAN .....</b>	<b>6</b>
<b>5. AMALAN KULTUR</b>	
<b>5.1 Program Kerja .....</b>	<b>7</b>
<b>5.2 Penyediaan Bahan Tanaman .....</b>	<b>7</b>
<b>5.3 Penyediaan Tanah .....</b>	<b>7</b>
<b>5.4 Penanaman Di ladang.....</b>	<b>7</b>
<b>5.5 Penjagaansulur .....</b>	<b>9</b>
<b>5.6 Pembajaan .....</b>	<b>9</b>
<b>5.7 Pengurusan Air.....</b>	<b>10</b>
<b>6. PENGURUSAN PEROSAK</b>	
<b>6.1 Kawalan Penyakit dan Serangga .....</b>	<b>12</b>
<b>6.2 Kawalan Rumpai .....</b>	<b>12</b>
<b>6.3 Tempoh Di Larang Mengutip Hasil .....</b>	<b>13</b>
<b>7. KEMATANGAN DAN PENGUTIPAAN HASIL .....</b>	<b>13</b>
<b>8. ANALISIS KEWANGAN</b>	
<b>8.1 Kos Perbelanjaan .....</b>	<b>14</b>
<b>8.2 Dayamaju Penanaman Keledek.....</b>	<b>14</b>
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>16</b>
<b>LAMPIRAN 1 .....</b>	<b>17</b>
<b>LAMPIRAN 2 .....</b>	<b>18</b>

### Senarai Jadual

#### Muka Surat

<b>Jadual 1 : Keluasan tanaman keledek di Semenanjung Malaysia.....</b>	<b>1</b>
<b>Jadual 2 : Komposisi zat pemakanan keledek.....</b>	<b>2</b>
<b>Jadual 3 : Sifat-sifat tanah dan kesesuaianya untuk keledek.....</b>	<b>5</b>
<b>Jadual 4 : Masa dan kadar baja mengikut siri tanah.....</b>	<b>9</b>
<b>Jadual 5 : Spesifikasi sistem parit ladang.....</b>	<b>10</b>
<b>Jadual 6 : Perosak dan penyakit serta langkah- langkah kawalan.....</b>	<b>12</b>
<b>Jadual 7 : Panduan Tempoh DiLarang Mengutip Hasil (TDMH) bagi racun perosak yang disyorkan untuk keledek.....</b>	<b>13</b>
<b>Jadual 8 : Anggaran kos pengeluaran dan pendapatan sehektar tanaman keledek Gendut.....</b>	<b>15</b>

### Senarai Gambar Rajah

#### Muka surat

<b>Gambar rajah 1 : Morfologi tanaman keledek.....</b>	<b>7</b>
<b>Gambar rajah 2 : Sistem penanaman keledek.....</b>	<b>8</b>
<b>Gambar rajah 3 : Reka bentuk sistem parit ladang yang disyorkan.....</b>	<b>10</b>

## Pendahuluan

Buku ini mengandungi teknologi tanaman secara pakej yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian terutamanya dari segi botani tanaman, keperluan asas tanaman, amalan kultur, pengurusan perosak tanaman, pengendalian hasil dan ekonomi pengeluaran bagi tanaman keledek.

Buku ini diterbitkan sebagai bahan rujukan utama kepada pegawai-pegawai yang terlibat di dalam aktiviti khidmat nasihat dan perundingan. Teknologi tanaman dalam buku ini juga boleh diamalkan oleh pengusaha-pengusaha ladang keledek untuk mempertingkatkan daya pengeluaran kebun mereka.

## Penghargaan

Jabatan Pertanian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Pasukan Petugas Pakej Teknologi Keledek; Encik Abd. Rashid Abd. Ghani, Encik Robert William, Cik Normah Mustaffa, Puan Hapipah Ismail, Cik Faridah Ahmad dan Puan Rahana Abd. Rahman yang telah menyediakan pakej ini. Penghargaan juga diberikan kepada semua ahli Jawatankuasa Promosi Teknologi yang telah memberi pandangan dan sokongan dalam menyediakan terbitan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai dan kakitangan Seksyen Sokongan Komunikasi yang menyediakan konsep persembahan, suntingan, kerja grafik dan percetakan terbitan ini.

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Keledek merupakan sejenis sayuran berubi yang kaya dengan karbohidrat dan karotena. Tanaman ini dipercayai berasal dari Amerika Tengah dan dari Barat Laut Amerika Latin. Penanaman awal dianggarkan pada tahun 3,000 Sebelum Masehi di mana catatan awal penanaman telah diusahakan oleh masyarakat purba Peru dan Mayan di Amerika Latin.
- 1.2 Penyebaran tanaman keledek ke Eropah dipercayai dilakukan oleh Christopher Columbus melalui pelayaran-pelayaran penemuannya yang masyhur manakala pelayar-pelayar dan pedagang-pedagang Sepanyol serta Portugis memperkenalkannya ke Afrika dan Asia.
- 1.3 Kini tanaman keledek terdapat hampir di keseluruhan kawasan tropika, subtropika dan kawasan-kawasan hawa sederhana ketika cuaca musim panas.
- 1.4 Di Semenanjung Malaysia, negeri-negeri pengeluar utama keledek ialah Johor, Perak, Kelantan dan Selangor. Keluasan tanaman di semua negeri adalah seperti tercatat di Jadual 1.

**Jadual 1: Keluasan tanaman keledek di Semenanjung Malaysia**

<b>Negeri</b>	<b>Keluasan (Hektar) Mengikut Tahun</b>				
	<b>1992</b>	<b>1993</b>	<b>1994</b>	<b>1995</b>	<b>1996</b>
Johor	754	565	446	447	394
Kedah	172	83	67	69	57
Kelantan	185	203	278	281	70
Melaka	30	14	27	11	16
N.Sembilan	15	9	8	6	6
Pahang	156	129	156	178	187
P.Pinang	-	-	-	5	1
Perak	319	657	539	233	646
Perlis	-	-	-	-	4
Selangor	216	239	157	289	221
Terengganu	124	97	93	159	57
<b>JUMLAH</b>	<b>1,971</b>	<b>1,996</b>	<b>1,771</b>	<b>1,678</b>	<b>1,659</b>

*Sumber: Jabatan Pertanian (1995, 1996, 1997)*

1.5 Ubi keledek kaya dengan karbohidrat (31.3%), mempunyai nilai tenaga (138.0 Kcal) dan karotena (0 -12.2 mg) yang tinggi berbanding dengan sayur-sayuran lain. Kandungan zat makanan ubi keledek adalah seperti di Jadual 2.

**Jadual 2: Komposisi Zat Makanan Keledek  
(Bagi Setiap 100g)**

Protein	2.0 %
Lemak	0.5 %
Karbohidrat	31.3 %
Serabut	0.5 %
Tenaga makanan	138.0 Kcal
Abu	1.4 %
Kalsium	16.0 mg
Fosforus	32.0 mg
Ferum	0.6 mg
Natrium	35.0 mg
Kalium	210.0 mg
Karotena	0 - 12.2 mg
Tiamina	0.1 mg
Riboflavin	0.09 mg
Niasin	0.5 mg
Asid askorbik	23.3 mg

**Sumber:** Nutrient Composition of Malaysian Foods (1988)


1.6 Selain dimakan secara direbus, dibakar dan digoreng, keledek juga boleh ditinkan di dalam air atau sirap pada suhu 115° C untuk penyimpanan. Pucuk ubi keledek pula digunakan sebagai sayuran di kebanyakan negara. Ubi keledek yang dikeringkan sebagai racik atau pelet turut digunakan sebagai bahan asas industri pembuatan makanan ternakan. Kanji dari ubi keledek juga telah digunakan dalam industri tekstil di samping boleh dijadikan alkohol ataupun sirap.

## **2. BOTANI TANAMAN**

2.1 Nama saintifik bagi keledek ialah *Ipomoea batatas* L. dari keluarga Convolvulaceae. Nama tempatannya ialah ubi keledek, ubi stella dan ubi jaiur.

2.2 Keledek adalah tanaman saka yang hidup menjalar, tetapi kini diusahakan untuk pengeluaran secara tanaman semusim. Terdapat banyak kultivar keledek yang ditanam di Malaysia ketika ini. Ciri-ciri am tanaman keledek adalah seperti berikut:

- Daun - Berbeza-beza saiz mengikut kultivar dari jenis bulat ke jenis jejari. Berwarna hijau kekuningan sehingga hijau gelap dan tersusun secara berselang-seli.
- Batang - Batang keledek tumbuh merayap di tanah. Ianya mempunyai buku dan ruas di mana sulur sisi boleh didapati dari batang utama. Akar serabut akan keluar dari buku batang sekiranya tersentuh tanah.
- Akar - Keledek mempunyai sistem akar serabut. Sebahagian dari sistem akar juga akan berfungsi sebagai penyimpan bahan makanan bagi menghasilkan ubi keledek.
- Bunga - Mempunyai lima ranggi bunga yang bercantum, berwarna putih hingga ke unguan dan keluar dari ketiak daun keledek. Biasanya bunga keledek keluar sekuntum tetapi terdapat juga kultivar keledek yang mengeluarkan kumpulan bunga. Bunga kembang di pagi hari dan layu menjelang tengahari. Pendebungaan kadangkala terjadi melalui serangga tetapi kerap kali gagal menghasilkan biji benih kerana ketidakserasanian.
- Buah - Berbentuk kapsul 5 hingga 8 mm garispusat tetapi buah jarang didapati.
- Biji - Biji benih keledek berwarna hitam, 3 mm panjang. Berbentuk separa bulat dan mempunyai kulit biji yang keras. Penanaman menggunakan biji benih jarang digunakan kecuali di dalam proses pembaikbakaan.



Gambar rajah 1: Morfologi tanaman keledek

### 3. KEPERLUAN ASAS TANAMAN

#### 3.1 Faktor Iklim

3.1.1 Keledek memerlukan cahaya matahari penuh untuk penghasilan yang tinggi di samping keperluan suhu  $24^{\circ}\text{C} - 32^{\circ}\text{C}$ . Keadaan cuaca di Malaysia sesuai untuk penanaman keledek. Keperluan hujan tahunan yang sesuai untuk pertumbuhan keledek adalah 750 - 1000 mm. Bagi semusim penanaman keledek dianggarkan 460 - 500 mm hujan adalah memadai.

#### 3.2 Faktor Tanah

3.2.1 Keledek merupakan tanaman yang mempunyai kesesuaian meluas dalam berbagai keadaan tanah. Namun begitu keledek tidak tahan kepada keadaan terendam kerana ubi akan menjadi busuk. Secara amnya keledek memerlukan tanah peroi bersaliran baik dan tinggi kandungan bahan organik seperti tanah lom dan tanah lempung berpasir. pH tanah yang paling sesuai adalah 5.5 - 6.5.

**Jadual 3: Sifat-Sifat Tanah Dan Kesesuaian Untuk Keledek**

Sifat Tanah	Kesesuaian Untuk Tanaman Keledek	
	Sesuai	Sederhana Sesuai
Kecerunan	0 - 6	6 - 12
Saliran	Tak sempurna salir ke salir	Kurang salir dan agak sangat salir ke sangat salir.
Ke dalaman tanah berkesan	> 25cm	-
Tekstur dan struktur	Selain dari pasir tak berstruktur dan lempung	Pasir tak berstruktur dan lempung.
Kemasinan	< 1 mmhos	1 - 2 mmhos
Kedalaman lapisan asid sulfat	> 50 cm	0 - 50 cm
Ketebalan gambut	Tiada halangan	-
Kandungan batu	Tiada halangan batu di permukaan 25 cm	< 25%, jika tersebar sama rata
Ketidakseimbangan nutrien	Tiada nutrien mikro berlebihan atau CEC rendah	CEC rendah

**Sumber:** Wong (1986).

#### 4. KULTIVAR YANG DISYORKAN

4.1 Terdapat banyak kultivar keledek yang ditanam di Malaysia ketika ini. Walaupun begitu hanya tiga kultivar yang telah disyorkan oleh MARDI iaitu Bukit Naga, Serdang 1 dan yang terbaru Keledek Gendut (MSP 94).

4.2 Kultivar Gendut didapati mempunyai kelebihan berbanding dengan Bukit Naga dan Serdang 1 dari segi rupa dan citarasa. Kulit ubi keledek Gendut berwarna perang kekuningan merupakan warna yang digemari di pasaran tempatan. Isi ubi keledek Gendut pula lebih sedap dimakan apabila direbus, digoreng atau dimasak kari kerana ianya lebih pejal dan tidak berair.

4.3 Antara kultivar-kultivar yang disyorkan dan yang biasa ditanam di Semenanjung Malaysia mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- Gendut (MSP 94) : Warna kulit perang kekuningan, isi kekuningan pucat. Hasil 20 - 30 tan/ha. Tempoh matang 4 bulan. Kultivar jenis besar.
- Bukit Naga : Kulit ubi berwarna ungu tua dan isi berwarna kuning. Hasil 20 - 30 tan/ha. Tempoh matang 4 bulan. Kultivar jenis besar.
- Serdang 1 : Kulit ubi berwarna ungu tua. Isi putih kekuningan. Hasil 15 - 20 tan/ha. Tempoh matang 4 bulan. Kultivar jenis besar.
- Large White : Warna kulit merah samar, isi kuning pucat. Hasil 12 - 15 tan/ha. Tempoh matang 4 bulan. Kultivar jenis besar.
- Kuala Bikam : Kulit berwarna kuning pucat, isi berwarna krim. Hasil 20 - 25 tan/ha. Tempoh matang 4 bulan. Kultivar jenis kecil.

## 5. AMALAN KULTUR

### 5.1 Program Kerja

5.1.1 Program gerak kerja bagi tanaman keledek adalah seperti di Lampiran 1.

### 5.2 Penyediaan Bahan Tanaman

5.2.1 Keledek hendaklah ditanam dengan menggunakan keratan pucuk walaupun ubi dan biji benih boleh digunakan. Keratan sepanjang 25 - 30 cm diambil dari pucuk pokok yang sihat dan subur. Keratan pucuk utama dari ladang pengeluaran benih keledek yang berumur dua bulan adalah terbaik untuk penanaman. Elakkan penggunaan benih dari ladang yang diserang perosak dan penyakit.

5.2.2 Keratan ini dibiarkan 1 - 3 hari ditempat yang teduh dan lembab untuk menggalakkan pembentukan akar dan meningkatkan kejayaan penanaman di peringkat ladang.

### 5.3 Penyediaan Tanah

5.3.1 Keledek ditanam di atas batas. Ukuran batas penanaman yang sesuai adalah 60 - 90 cm lebar dan 30 - 40 cm tinggi mengikut kultivar keledek. Didapati penghasilan keledek juga akan meningkat selaras dengan ketinggian batas kerana ruangan untuk pembentukan ubi yang semakin bertambah. Bagi kultivar jenis kecil, lebar batas yang disyorkan 60 cm (Kuala Bikam) manakala kultivar jenis besar 90 cm (Gendut).

5.3.2 Untuk menanam keledek di kawasan tanah yang baru dibuka, tanah hendaklah dibajak piring sedalam 20 - 25 cm dan dibiarkan selama 2 minggu sebelum dibajak putar kali pertama. Keadaan ini dapat menolong di dalam mengurangkan masalah penyakit dan perosak keledek yang terdapat dalam tanah. Kapur sebanyak 2.5 m.tan/ha hendaklah ditabur 2 minggu sebelum bajak putar kali kedua.


### 5.4 Penanaman Di ladang

5.4.1 Keratan benih ditanam di batas dengan sudut  $45^{\circ}$  sedalam 15 - 20 cm. Jarak tanaman adalah 25 - 30 cm di dalam barisan dan 90 - 120 cm antara barisan, mengikut jenis kultivar keledek samada dari jenis yang kecil ataupun besar. Kultivar dari jenis

yang kecil memerlukan sejumlah 44,444 keratan benih ( $0.25\text{ m} \times 0.9\text{ m}$ ) manakala kultivar dari jenis yang besar pula sebanyak 27,777 keratan benih ( $0.3\text{ m} \times 1.2\text{ m}$ ) untuk penanaman sehektar keledek.

5.4.2 Keledek boleh ditanam secara tanaman tunggal ataupun secara tanaman selingan di kebun-kebun getah atau kelapa sawit yang baru dibuka bagi meningkat penggunaan sumber sediada dan keuntungan projek.

5.4.3 Penanaman keledek dilakukan di waktu petang. Penyiraman dilakukan selepas setiap penanaman agar pertumbuhannya tidak terencat dan kejayaan penanaman lebih terjamin.



Gambar rajah 2: Sistem penanaman keledek

## 5.5 Penjagaan Sulur

5.5.1 Bagi mendapatkan pembentukan ubi keledek yang elok di bahagian pangkal pokok, sulur-sulur keledek hendaklah diangkat dua kali bagi setiap penanaman. Masa yang sesuai dilakukan adalah 30 dan 55 hari selepas tanam. Aktiviti ini hendaklah dilakukan sebelum kerja-kerja pembajaan dan pengawalan rumpai. Sekiranya tidak dilakukan, akar sisi akan membesar dan menghasilkan ubi-ubi kecil yang tidak sesuai untuk pasaran. Pembentukan ubi utama di pangkal pokok juga akan terjejas dan kurang sempurna tumbesarannya.

## 5.6 Pembajaan

5.6.1 Pengesyoran pembajaan yang sempurna bergantung kepada jenis tanah setempat. Secara amnya pembajaan keledek menggunakan baja inorganik (12:12:17:2) dan baja organik (tahi ayam). Baja organik digaul ke dalam batas 3 - 4 hari sebelum penanaman. Jadual 4 menunjukkan kadar dan masa yang sesuai untuk pembajaan organik dan inorganik keledek mengikut siri tanah.

**Jadual 4: Masa dan kadar baja mengikut siri tanah**

Bil.	Siri Tanah	Jenis dan Kadar Baja (tan/ha/musim)		Masa Membaja Inorganik				
		Organik	Inorganik					
1.	Tanah Bris Siri Rudua	10-15	1.2	*HLT	Baja inorganik ditimbus di sepanjang barisan penanaman			
2.	Tanah Bris Siri Baging	25-30	1.2		Kadar Baja (tan/ha)			
3.	Tanah Berpasir Bekas Lombong	25-30	1.0		1.0	1.1	1.2	
4.	Tanah Mineral	5-10	1.0		10	0.3	0.3	0.3
5.	Tanah Gambut	-	1.1		32	0.3	0.4	0.4
*Hari Lepas Tanam								

*Sumber: Panduan Pengeluaran Sayur-Sayuran MARDI 1990  
Cawangan Pengurusan Tanah, Jabatan Pertanian*

## 5.7 Pengurusan air

5.7.1 Tanaman keledek memerlukan air terutamanya di peringkat 2 bulan pertama penanaman. Ketika ini pokok sedang membesar dengan cepat dan kekurangan air akan membantutkan pertumbuhan dan seterusnya mengurangkan penghasilan.


5.7.2 Pengairan boleh dilakukan dengan menyiram atau menggunakan sistem pengairan renjis. Sistem pengairan renjis mempunyai kecekapan pengairan 65 - 75% dan keperluan tenaga kerja yang rendah. Kos bahan bagi sistem ini adalah RM 12,500 sehektar. Jenis perenjis yang sesuai digunakan mempunyai julat tekanan operasi yang rendah iaitu 1.5 - 2.5 kg/cm<sup>2</sup> dengan kadaralir perenjis 0.3 - 1.0 liter/saat dan garis pusat siraman liputan 25 - 30m.

5.7.3 Sekiranya tiada sistem pengairan yang sempurna, penanaman keledek hendaklah disesuaikan dengan kedatangan musim hujan di peringkat penanaman.


5.7.4 Sistem peparan diperlukan bagi kawasan yang menghadapi masalah saliran. Parit ladang dibina untuk menyalirkkan air berlebihan ke parit utama. Spesifikasi sistem parit ladang adalah seperti di Jadual 5 dan rekabentuknya seperti Gambar rajah 3.

**Jadual 5: Spesifikasi sistem parit ladang**


Jenis Tanah	Jarak di antara parit (m)	Cerun tebing	Kedalaman bawah (m)	Lebar parit (m)	Kepadatan parit (m/ha)
Lom berpasir	175 - 200	1:1	0.90	1.2	50
Lempong dan kelodak	60 - 80	0.5:1	0.75	0.5	125
Gambut	40 - 60	0.25:1	1.20	0.3	170



**Lom berpasir**



**Lempong dan kelodak**



**Gambut**

**Gambar rajah 3: Rekabentuk sistem parit ladang yang disyorkan**

## 6. PENGURUSAN PEROSAK

### 6.1 Kawalan Rumpai

6.1.1 Kawalan rumpai yang berkesan perlu dilaksanakan bagi menjamin hasil keledek yang tinggi. Kawalan rumpai dilakukan secara manual menggunakan tajak/cangkul pada 15, 31 dan 56 hari selepas tanam atau sehingga jalur keledek telah menutupi batas.

### 6.2 Kawalan Perosak Dan Penyakit

6.2.1 Beberapa perosak dan penyakit yang biasa menyerang tanaman keledek dan kawalannya adalah sebagaimana di Jadual 6 berikut:

**Jadual 6: Perosak dan Penyakit Serta Langkah-langkah Kawalan**

Penyakit/Musuh	Kesan Kerosakan	Langkah Kawalan
<b>Kulat</b> (i) Bintik daun keledek <i>Cercospora batatae/ Periconia byssoides</i>  (ii) Reput ubi keledek <i>Ceratocystis paradoxa/ Rhizopus oryzae</i>  (iii) Keruping <i>Elsinoe batatas</i>	Daun keledek berbintik coklat dan serangan teruk mengakibatkan daun menjadi berkerengkok  Ubi keledek menjadi reput dan busuk  Terdapat bintik-bintik perang pada daun dan batang. Ia menjadi gabus atau bersatu membentuk keruping. Daun bergulung serta batang dan tangkai berpintal.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Semburran racun kulat benomyl pada kadar 0.015 - 0.03% b.a selang 5 - 7 hari sekiranya perlu.</li> <li>- Elakkan kecederaan ubi semasa memungut hasil.</li> <li>- Menjalankan proses pengerasan kulit ubi keledek selepas pungutan hasil.</li> <li>- Menyimpan ubi di dalam keadaan kering</li> <li>- Gunakan keratan benih yang bebas penyakit.</li> <li>- Amalkan tanaman giliran dan kebersihan kebun.</li> </ul>
<b>Serangga</b> (i) Kumbang pengorek ubi <i>Cylas formicarius</i>  (ii) Ulat Pengorek Batang <i>Omphisa anastomosalis</i>	Kumbang ini membiak di dalam ubi keledek dan menurunkan kualiti ubi sehingga hasil tiada nilai pasaran. Serangan yang teruk boleh mengakibatkan kerugian sehingga 90% hasil.  Batang dan sulus keledek dikorek oleh larva kadangkala sehingga ke ubi keledek.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Amalkan sistem giliran tanaman dan kebersihan kebun</li> <li>- Menabur butiran racun carbofuram pada kadar 1.5kg/ha bahan aktif semasa penanaman boleh mengurangkan serangan.</li> <li>- Giliran penanaman dan kebersihan kebun dijalankan.</li> </ul>
<b>Vertebrate</b> (i) Tikus	Memakan ubi keledek	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Amalkan kebersihan ladang.</li> <li>- Umpan dengan racun brodifacoum di peringkat umur penanaman dua bulan. dapat mengurangkan kejadian serangan.</li> </ul>

### **6.3 Tempoh Dilarang Mengutip Hasil**

**6.3.1 Penyemburan racun hendaklah diberhentikan sebelum mengutip hasil berpandukan kepada tempoh dilarang mengutip hasil (TDMH) selepas semburan akhir seperti di Jadual 7.**

**Jadual 7: Panduan Tempoh Dilarang  
Mengutip Hasil (TDMH) bagi racun perosak  
yang disyor untuk tanaman keledek**

Racun Perosak	TDMH (Bil. Hari)
benomyl	14
carbofuran	30

## **7. KEMATANGAN DAN PENGUTIPAN HASIL**

**7.1** Hasil boleh dipungut 3 - 5 bulan selepas menanam bergantung kepada kultivar, corak pengurusan dan cuaca. Kematangan boleh ditentukan apabila daun-daun bawah pucuk keledek kelihatan kekuningan dan beransur menjadi layu. Sekiranya ubi keledek dibelah, cecair yang keluar dari ubi tersebut tidak bertukar kepada warna kehitaman dengan cepat.

**7.2** Daun dan batang keledek dipotong terlebih dahulu sebelum ubi keledek digali dengan menggunakan jentera ataupun secara manual menggunakan cangkul. Ubi dikorek dan dikeringkan di peringkat ladang sebelum dibakulkan untuk pemasaran. Ini bertujuan untuk proses pengerasan kulit ubi tersebut bagi memulihkan calar-calar dan luka ketika proses memungut hasil dilakukan. Sekiranya tidak dilakukan, calar-calar ini sering dijangkiti oleh agen-agen penyakit terutama kulat yang boleh menyebabkan keledek menjadi cepat busuk.

**7.3** Ubi keledek hendaklah disimpan ditempat teduh yang terbuka agar sentiasa kering bagi mengelakkan penyakit reput ubi oleh serangan kulat. Keadaan kering juga dapat menghalang proses pertumbuhan ubi keledek di mana ianya boleh menurunkan kualiti dan harga ubi di pasaran.

7.4 Ubi-ubi keledek diedarkan ke pasaran dengan menggunakan bakul buluh yang dialas dengan kertas akhbar lama. Berat setiap bakul seeloknya tidak melebihi 100 kg untuk memudahkan pengurusan dan penyimpanan.

## 8. ANALISIS KEWANGAN

### 8.1 Kos Perbelanjaan

8.1.1 Anggaran kos pengeluaran dan pendapatan bagi penanaman sehektar keledek semusim di tanah mineral adalah seperti dalam Jadual 8. Kos pengeluaran di bahagikan kepada kos tetap dan kos berubah. Kos tetap termasuk cukai tanah dan susut nilai sistem pengairan dan alat-alat pertanian yang digunakan yang merupakan perbelanjaan bukan tunai. Cukai tanah ialah pada RM 30.00/ha/musim (enam bulan). Manakala susut nilai alat-alat pertanian dianggarkan berasas kepada harga asal RM 2,500.00/ha ialah RM 1,250.00/ha/musim.

8.1.2 Kos berubah termasuk kos bahan input dan kos tenaga kerja. Kos bahan input ialah kos benih, baja, racun rumpai, racun perosak dan input pelbagai. Jumlah kos bahan input dianggarkan pada RM 4,323.00/ha/musim. Kos tenaga kerja untuk menjalankan segala aktiviti ladang termasuk kontrak membersih dan tenggala tanah. Ia dianggarkan pada RM 1,570.00/ha/musim. Jumlah kos pengeluaran ialah RM 7,173.00/ha/musim.

### 8.2 Dayamaju Penanaman Keledek

8.2.1 Dengan hasil 25,000 kg/ha dan harga RM 0.40/kg pendapatan kasar ialah RM 10,000.00/ha/musim. Mengambilkira kos pengeluaran terlibat, pendapatan bersih ialah RM 2,827.00/ha/musim.

8.2.2 Pada harga RM 0.40/kg dan penghasilan 25,000 kg/ha, nilai nisbah kos faedah tanaman keledek ialah 1:1.39. Ini menunjukkan bahawa bagi setiap ringgit dibelanjakan, pulangan yang boleh diperolehi ialah RM 1.39.

**Jadual 8: Anggaran Kos Pengeluaran Dan Pendapatan Sehektar  
Tanaman Keledek Gendut**

<b>Butir-Butir</b>	<b>Kuantiti/Harga</b>	<b>Kos (RM)</b>
<b>I. Kos Bahan</b>		
(a) Benih	28,000 keratan @ RM 0.015	420.00
(b) Baja:		
Baja Organik	10.0 tan @ RM 120.00	1,200.00
Kapur	2.5 tan @ RM 100.00	250.00
NPK 12:12:12	1.2 tan RM 850.00	1,020.00
(c) Racun Serangga/Penyakit		
carbofuran 3%	50 kg @ RM 4.00	200.00
benomyl 50%	1.0 kg @ RM 50.00	50.00
(d) Bakul	190 bakul @ RM 4.00	760.00
(e) Kertas Akhbar	50 kg @ RM 0.50	25.00
(f) Tali Rafia	1 gulong @ RM 5.00	5.00
(g) Lain-Lain Input	10% daripada kos bahan	393.00
<b>Jumlah Kos Bahan</b>		<b>4,323.00</b>
<b>II. Kos Tenaga</b>		
(a) Penyediaan tanah & batas	Kontrak @ RM 400.00	400.00
(b) Penyediaan benih & menanam	10 t.h. @ RM 15.00	150.00
(c) Menyiram	8 t.h. @ RM 15.00	120.00
(d) Mengawal rumpai	18 t.h. @ RM 15.00	270.00
(e) Membaja	10 t.h. @ RM 15.00	150.00
(f) Mengangkat jalur tanaman	5 t.h. @ RM 15.00	75.00
(g) Mengawal Serangga/Penyakit	5 t.h. @ RM 15.00	75.00
(h) Mengangkat & membaiki batas	5 t.h. @ RM 15.00	75.00
(i) Memungut hasil	17 t.h. @ RM 15.00	255.00
<b>Jumlah Kos Tenaga</b>		<b>1,570.00</b>
<b>III. Kos Tetap</b>		
(a) Cukai tanah	6 bulan @ RM 60.00/tahun	30.00
(b) Susutnilai alat-alat	6 bulan @ RM 2,500.00/tahun	1,250.00
<b>Jumlah Kos Tetap</b>		<b>1,280.00</b>
<b>Jumlah Besar Kos Pengeluaran</b>		<b>7,173.00</b>
<b>Pendapatan:</b>		
1. Pendapatan Kasar	<b>25,000 kg @ RM 0.40</b>	<b>10,000.00</b>
2. Kos Pengeluaran		7,173.00
3. Pendapatan Bersih		2,827.00
4. Pulangan bagi setiap RM dilabur		1.3941
5. Kos Pengeluaran/kg (Harga Pulang Modal)		<b>0.2869</b>

## RUJUKAN

1. Anon (1992) Panduan Kawalan Serangga Perosak dan Penyakit Sayur-Sayuran. Kuala Lumpur Jabatan Pertanian.
2. Asian Food Habits Project 1998) Nutrient Composition of Malaysian Foods .
3. Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (1970) Tanaman Ubi Stella atau Keledek. Kuala Terengganu: Jabatan Pertanian Negeri Terengganu.
4. Jabatan Pertanian (1995). Perangkaan Keluasan Tanaman Semenanjung Malaysia 1995. Kuala Lumpur: Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.
5. Jabatan Pertanian (1996). Perangkaan Keluasan Tanaman Semenanjung Malaysia 1996. Kuala Lumpur: Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.
6. Jabatan Pertanian (1997). Perangkaan Keluasan Tanaman Semenanjung Malaysia 1996. Kuala Lumpur: Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.
7. Leakey C.L.A. and J.B. Wills (1977). Food Crop of The Lowland Tropics, Oxford University Press.
8. MARDI (1994) MSP 94-Klon Ubi Keledek Baru. Kuala Lumpur: MARDI
9. MARDI (1992). Teknologi Pelbagai Tanaman Jld.3. Kuala Lumpur : MARDI
10. MARDI (1990). Panduan Pengeluaran Sayur-Sayuran. Kuala Lumpur: MARDI
11. MARDI (1987). Anggaran Kos Pengeluaran dan Pendapatan Untuk Tanaman dan Ternakan. Kuala Lumpur: MARDI
12. Sahedevan, N. (1987). Greean Fingers. Edisi Pertama. Seremban: Sahedevan Publication Sdn. Bhd.
13. Wong, I.F.T. (1986). Soil-Crop Suitability Classification for Peninsular, Malaysia - Kuala Lumpur : Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.

**Lampiran I****Program Kerja Bagi Penanaman Sehektar Keledek Gendut**

Umur (HLT)	Gerak Kerja	INPUT		Catatan
		Bahan	Kadar	
- 30	Bajak piring	Traktor	Kontrak	Bagi kawasan yang baru dibuka
- 22	Pengapuruan	Baja Kapor	2.5 tan	Ditabur diserata kawasan penanaman apabila kurang dari pH 5.5
- 21	Bajak putar I	Traktor	Kontrak	
- 7	Bajak putar II	Traktor	Kontrak	
- 6	Layout dan penyediaan batas	Bedformer/ cangkul	Kontrak	Ukuran batas 60 - 90 cm lebar dan 30 - 40 cm tinggi bergantung kepada kultivar tanaman
- 4	Pembajaan asas	Tahi ayam	5-10 tan	Digaulkan ke dalam batas penanaman
- 3	Penyediaan benih	Keratan	28,000	Keratan pucuk 25-30 cm panjang
- 1	Meracun pra cambah	alachlor atau atrazine	1.8 kg/ha	Disembur ke atas batas penanaman
0	Menanam	Keratan	1 keratan/lubang	Jarak 25-30 cm x 90 - 120cm (27,800/ 40,500 keratan/ha) bergantung kepada kultivar.
		Furadan 3G	25kg	0.62 - 0.89 gm/sulur
10	Pembajaan Tambahan I	12:12:17:2	200 kg	Ke dalaman 15 - 20 cm - bersudut 45° dalam parit di sepanjang barisan penanaman.
15	Kawalan Rumpai I	Tajak/kimia	Paraquat	Meracun sekiranya perlu. (1.0 kg/ha)
30	Mengangkat Sulur I	Manual	1 pusingan	Agar akar sisi tidak terbentuk
31	Kawalan Rumpai II	Tajak/ Kimia	Paraquat	Meracun sekiranya perlu (1.0 kg/ha)
32	Pembajaan tambahan II	12:12:17:2	300 kg	Di dalam parit disepanjang barisan penanaman.
55	Mengangkat Sulur II	Manual	1 pusingan	Agar akar sisi tidak terbentuk.
56	Kawalan Rumpai III	Tajak/ Kimia	Paraquat	Meracun sekiranya perlu . (1.0 kg/ha)
60-130	Kawalan kumbang pengorek ubi ( <i>Cylas formicarius</i> )	0.1% b.a	Keseluruhan kawasan yang diserang	Ubi keledek mula terbentuk dan terus membesar bergantung kepada kultivar. Semburuan pada bahagian pangkal keledek selang 4 hari sekiranya serangan merebak.
105-140	Memungut hasil bergantung kepada kultivar keledek	Jentera/ manual	Keseluruhan	15-20 tan/ha. Dibersih dan dikeringkan di peringkat ladang sebelum dipasarkan

**Lampiran 2****PANDUAN PENGIRAAN RACUN PEROSAK TANAMAN****Syor berdasarkan % bahan Aktif****Formula:**

$$\begin{array}{lcl} V_1 \times C_1 & = & V_2 \times C_2 \\ V_1 & = & \frac{V_2 \times C_2}{C_1} \end{array}$$

**di mana:**

- V<sub>1</sub> = Isipadu (volume) racun perosak komersial  
 C<sub>1</sub> = Kepekatan bahan aktif racun perosak komersial  
 V<sub>2</sub> = Jumlah isipadu semburan (spray volume) racun perosak dan air  
 C<sub>2</sub> = Kepekaran bahan aktif racun perosak yang disyorkan

**Contoh Pengiraan:**

- (a) 450 Liter isipadu semburan racun malathion (kandungan bahan aktif 52%) disyorkan untuk mengawal kepinding dengan kadar 0.1% bahan aktif. Berapa banyakkah (liter) racun malathion diperlukan?

**Menggunakan formula di atas:**

$$\begin{array}{lcl} V_2 & = & 450 \text{ liter} \\ C_1 & = & 52\% \\ C_2 & = & 0.1\% \end{array}$$

$$V_1 = \frac{450 \text{ liter} \times 0.1\%}{52\%} = 0.86 \text{ liter (860 ml)}$$

**Jawapan:** Gunakan 0.86 liter racun malathion dengan isipadu semburan 450 liter

Berdasarkan kiraan di atas berapa banyak racun diperlukan untuk alat penyembur racun yang boleh mengisi 18 liter?

**Isipadu (vol) racun perosak x kapasiti alat penyembur semburan isipadu**

$$\frac{0.861 \text{ liter} \times 18 \text{ liter}}{450 \text{ liter}} = 0.034 \text{ liter (34 ml)}$$

**Jawapan:** 34 ml/18 liter air

- (b) 100 liter semburan carbaryl (85% bahan aktif) disyorkan untuk mengawal bena perang dengan kadar 0.1% bahan aktif. Berapa banyak racun carbaryl yang diperlukan?

Menggunakan formula di atas:

$$V_2 = 100 \text{ liter}$$

$$C_1 = 85\%$$

$$C_2 = 0.1\%$$

$$V_1 = \frac{100 \text{ liter} \times 0.1\%}{85\%}$$

$$= 0.12 \text{ kg (120 gm)}$$

**Jawapan:** Gunakan 120 g racun carbaryl dengan isipadu semburan 100 liter.

**IBU PEJABAT**

**Jabatan Pertanian Malaysia  
Aras 7-17, Wisma Tani, Block 4G2, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62632 PUTRAJAYA.**

**Tel: 03-8870 3000  
Fax: 03-8870 3376  
Laman Web: <http://www.doa.gov.my>  
ISBN: 983-047-059-8**